

## **AMALAN KOMUNIKASI DAKWAH SEMASA KELAS BIMBINGAN FARDU AIN ORANG ASLI MUSLIM DI SELANGOR**

### ***THE PRACTISE OF DA'WAH COMMUNICATION DURING FARDU AIN GUIDANCE CLASS AMONG MUSLIM ORANG ASLI IN SELANGOR***

**Zulkefli bin Aini<sup>1</sup>**

Program Pengajian Dakwah dan Kepimpina, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

(Email: zulaini@ukm.edu.my)

**Abdul Ghafar bin Don<sup>2</sup>**

Program Pengajian Dakwah dan Kepimpina, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

(Email: a.g.don@ukm.edu.my)

**Anuar bin Puteh<sup>3</sup>**

Program Pengajian Dakwah dan Kepimpina, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

(Email: anteh@ukm.edu.my)

**Nur Damia Husna binti Nor Sad<sup>4</sup>**

Graduan Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

(Email: rhythm\_mia@gmx.com)

**Received date:** 15-10-2019

**Revised date:** 14-11-2019

**Accepted date:** 15-11-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Aini, Z., Don, A. G., Puteh, A., Nor Sad, N. D. H. (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim Di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34-47.

**DOI:** 10.35631/ijlgc.417004

---

**Abstrak:** Kajian lepas menunjukkan tahap penghayatan ajaran Islam dalam kalangan Orang Asli muslim masih rendah. Keadaan ini menjadikan mereka tidak mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah mereka kurang berusaha mendalami ilmu pengetahuan asas dalam Islam seperti akidah dan syariah. Justeru, mereka memerlukan bantuan yang berterusan daripada pendakwah yang boleh membimbing mereka dalam mempraktikkan ajaran Islam khususnya asas fardu ain supaya tahap penghayatan mereka terhadap ajaran Islam boleh meningkat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti pendekatan komunikasi yang digunakan oleh pendakwah ketika membimbing masyarakat orang Asli muslim daripada sudut fardu ain. Data diperolehi daripada temubual mendalam bersama sembilan orang pendakwah yang aktif membimbing masyarakat Orang Asli muslim di Selangor. Kajian ini mendapat pendekatan komunikasi yang banyak digunakan ketika membimbing masyarakat Orang Asli menghayati asas fardu ain ialah komunikasi dakwah secara *al-hikmah*. Ia merangkumi aspek mengutamakan sesuatu perkara yang paling penting

dalam senarai keutamaan khususnya dalam penyampaian mesej komunikasi, berkomunikasi dengan sasaran mengikut aras dan tahap pemikiran mereka, memberikan penjelasan sesuatu mesej komunikasi secara bertahap dan memberikan tumpuan kepada elemen emosi dan perasaan serta akal fikiran ketika berkomunikasi dengan sasaran dalam kelas bimbingan.

**Kata Kunci:** Kelas Bimbingan Fardu Ain; Orang Asli Muslim; Komunikasi; *al-Hikmah*; Dakwah

**Abstract:** Previous studies show that the level of appreciation of Islam among Muslim Orang Asli is still low. This situation causes them to not be practising Islam properly. Among the factors that cause this to occur is their own weak effort to deepen their knowledge in Islam such as in akidah and syariah. Therefore, they have to require constant help of preachers who can guide them in practising the basic teachings of Islam, particularly in the aspect of fardu ain in order to increase their level of appreciation on Islamic teaching. Therefore, this study aimed to identify the communication approach used by the preachers when guiding the muslim Orang Asli in term of basic teachings of Islam namely fardu ain. Data derived from in-depth interviews with nine muslim preachers who actively guide the muslim Orang Asli community in Selangor. This study finds that the approach of communication used most when guiding muslim Orang Asli are da'wah communication by al-hikmah (wisdom). It covers the aspect of prioritizing the most important matters in the list of priorities, especially in the delivery of communication messages, communicating wisely in accordance with the level of thinking of target group, gradually giving explanation on the message of communication and focusing on the elements of emotion, feeling as well as common sense of the target group when communicating with them in classes.

**Keywords:** Fardu Ain Guidance Classes; Muslim Orang Asli; Communication; *Al-Hikmah* (Wisdom); Da'wah

---

## Pendahuluan

Orang Asli merupakan etnik peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134, Pindaan 1974), Orang Asli merujuk kepada:

- i. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- ii. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2014), keseluruhan penduduk Orang Asli di negara ini berjumlah 178197 orang. Data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada tiga kaum, iaitu Negrito, Senoi dan

Melayu Proto. Kajian menunjukkan bahawa penempatan penduduk Orang Asli mempengaruhi sosio budaya mereka daripada segi kegiatan ekonomi seharian, sistem kemasyarakatan, kepercayaan dan amalan ritual, sistem norma, adat dan pantang larang, bahasa dan sistem norma (Anon 2002; Jo Komar dan W.A. Amir Zal 2014; Ramlee 2014; Ramlee 2015). Ia juga mencorakkan pola tingkahlaku, pemikiran, nilai dan aktiviti masyarakat. Dalam konteks kepercayaan dan amalan ritual masyarakat Orang Asli, umumnya mereka mempercayai kehidupan manusia dikuasai oleh suatu kuasa yang terdiri daripada makhluk ghaib. Kuasa tersebut dipercayai sebagai pencipta alam dan sistem kosmologi yang ada di alam ini, penjaga kebaikan manusia, pengawal tingkahlaku manusia ketika berhubungan dengan alam. Sehubungan dengan itu, mereka mempunyai pantang larang dan adat tertentu yang berkaitan dengan kuasa tersebut. Selain daripada itu, mereka juga mempercayai kuasa yang terdapat pada manusia yang luar biasa seperti roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dan manusia yang masih hidup yang mempunyai hubungan dengan kuasa makhluk ghaib. Kepercayaan, amalan ritual, adat dan pantang larang yang dianuti tidak menghalang mereka berinteraksi dengan masyarakat luar termasuklah orang Melayu muslim serta organisasi dan institusi berorientasikan agama Islam. Malah ada dalam kalangan mereka bersikap terbuka terhadap usaha mengintegrasikan komuniti mereka dalam masyarakat arus perdana (Ma'Rof Redzuan dan Abdul Razak 2008). Kesan komunikasi mereka secara harmoni bersama masyarakat Islam menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang secara sukarela memeluk agama Islam melalui individu yang dikenali sebagai pendakwah mahupun organisasi dakwah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis dan Jabatan agama Islam Negeri, pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin. (UniSZA) (Ramlee 2015).

Dalam konteks di Selangor, kajian menunjukkan bahawa jumlah pengislaman yang berlaku dalam kalangan Orang Asli di Selangor adalah seramai 19,761 orang (JAKOA, 2014). Walau bagaimanapun, bilangan mereka yang memeluk agama Islam agak perlahan, iaitu sekitar 27.6% setahun sahaja (JAKIM, 2015). Kajian turut menunjukkan bahawa kualiti mereka sebagai muslim juga berada di tahap rendah (Ramlee 2015; Abd. Ghafar 2014). Menurut Ramlee (2015) tahap sedemikian disebabkan ada dalam kalangan mereka menganggap agama Islam hanya sebagai “label” rasmi status agama dalam konteks hubungan dengan masyarakat luar. Di samping itu, kepercayaan animisme yang mereka anuti terlalu menebal sehingga menyukarkan mereka untuk menghayati ajaran agama Islam. Menurut Zulkefli et al (2018a) dan Faiz (2018) keadaan seperti ini juga disebabkan pendakwah tidak menekankan aspek kemahiran mengenalpasti topik-topik penting yang menjadi kebiasaan dalam proses komunikasi antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli. Malah, dalam penelitian Zulkefli et al (2018b) juga pendakwah kurang mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi ketika melakukan proses dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Di samping itu, keadaan ini juga disebabkan pengetahuan dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam terutama dalam perkara yang melibatkan akidah dan syariah masih berada di tahap minimum (Ramlee 2015). Keadaan ini bagaimanapun bukanlah penghalang untuk pendakwah terus membimbing orang Asli muslim dalam konteks pengajaran dan pembelajaran asas fardu ain seperti akidah dan fekah.

### **Persoalan, Objektif dan Skop Kajian**

Artikel ini membincangkan bagaimanakah bimbingan fardu ain yang berlaku antara pendakwah dengan Orang Asli terutama dalam konteks komunikasi. Adakah ia berlaku secara lisan atau bukan lisan? Adakah ia berjalan mengikut pendekatan dakwah yang sebenar? Justeru

artikel ini bertujuan mengenalpasti pendekatan komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah ketika membimbing Orang Asli muslim dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk membantu mereka menghayati serta mempraktikkan ajaran Islam. Perbincangan dalam artikel ini hanya memfokuskan kepada pendakwah yang bertugas membimbing masyarakat Orang Asli muslim di negeri Selangor sahaja.

### **Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang dijalankan bertujuan meneliti secara mendalam fenomena berkaitan gerak kerja dakwah melalui pendakwah masyarakat Orang Asli di negeri Selangor sebagai peserta kajian. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang dijalankan bersama sembilan orang pendakwah yang bertugas secara rasmi dalam aktiviti dakwah Orang Asli samada mereka yang dilantik oleh JAKIM dengan jawatan sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), lantikan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang berjawatan sebagai Panel Dakwah Muallaf (PDM) dan mereka yang menyertai Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Orang Asli Selangor dan Yayasan Khalifah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual. Mereka terdiri daripada lima orang lelaki dan empat orang perempuan. Mereka dipilih secara bertujuan mengikut kriteria tertentu iaitu keaktifan dan tempoh pengalaman melebihi 10 tahun berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di perkampungan mereka di seluruh negeri Selangor seperti di Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Petaling, Gombak dan Hulu Selangor. Pembinaan instrumen temu bual berdasarkan objektif yang ditentukan dengan mengambil kira maklumat yang diperoleh daripada kajian literatur dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Item-item temu bual meliputi kaedah berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan serta pendekatan berkomunikasi secara interpersonal dan massa yang berteraskan kepada usul dakwah seperti dakwah secara *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasana* dan *al-mujadalah bi al-husna*. Item-item tersebut telah dinilai melalui proses pengesahan dan kebolehpercayaan oleh tiga orang panel yang terdiri daripada ahli akademik Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti Fakulti Pengajian Islam UKM yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah Orang Asli dan komunikasi dakwah. Proses kebolehpercayaan dilakukan melalui kaedah Cohen Kappa. Data-data yang diperolehi melalui temubual bersama peserta kajian dikemukakan semula kepada mereka untuk disahkan berdasarkan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen Kappa. Penganalisan data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan kod-kod tertentu yang membentuk pola dapatan kajian.

<b>Kod Peserta Kajian</b>	<b>Jantina</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Tempoh Lama Aktif</b>
<b>PK1</b>	Lelaki	Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM	15 tahun
<b>PK2</b>	Lelaki	Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM	12 tahun
<b>PK3</b>	Perempuan	Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM	16 tahun
<b>PK4</b>	Lelaki	Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM	15 tahun
<b>PK5</b>	Perempuan	Panel Dakwah Muallaf MAIS	12 tahun
<b>PK6</b>	Perempuan	Panel Dakwah Muallaf MAIS	12 tahun
<b>PK7</b>	Perempuan	Panel Dakwah Muallaf MAIS	15 tahun

<b>PK8</b>	Lelaki	Timbalan Pengerusi Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Orang Asli Selangor	15 tahun
<b>PK9</b>	Lelaki	Pengerusi Yayasan al-Khalifah	30 tahun

### Kajian Literatur

Perbincangan mengenai komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah telah mendapat perhatian oleh para pengkaji dalam pelbagai sudut. Umpamanya, kajian Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014) mengenai halangan dalam komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, Mohd Safiee Hj. Idris et. al (2008) kemahiran komunikasi interpersonal guru, Khalip Musa dan Hariza Abd. Halim (2015) kemahiran komunikasi interpersonal dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar, dan Farah Nura.Hamid dan Maslida Yusof (2015) aspek komunikasi lisan bentuk arahan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, perbincangan yang melibatkan komunikasi daripada sudut dakwah ketika proses pengajaran dan pembelajaran terutama kepada golongan yang baharu memeluk agama Islam atau mualaf masih dibincangkan secara terhad. Kebanyakan kajian yang melibatkan komunikasi antara pengajar dengan pelajar yang terdiri daripada saudara baharu dilihat daripada sudut kaedah pengajaran. Umpamanya, Siti Fathimatul Zahrah Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pow (2015) menekankan keperluan seseorang pengajar memiliki ilmu pengetahuan dalam pengajaran, bijaksana dan berhikmah dalam mendidik kumpulan mualaf. Ini termasuklah memperjelaskan kepada mereka mengenai kepentingan memahami ajaran Islam dengan sebaik mungkin dan membantu mereka menghayati ajaran Islam supaya mereka dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah s.w.t dengan sebaiknya dalam setiap aspek kehidupan. Berbeza dengan kajian Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar (2017) yang membincangkan metode pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dalam kelas bimbingan mualaf. Walaupun kajian tersebut memperlihatkan elemen komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengkaji tidak mengaitkannya dengan unsur dakwah dalam komunikasi antara pengajar dan pelajar seperti penggunaan laras bahasa yang sesuai, penyampaian secara berulang-ulang, pembinaan kumpulan, teknik soal jawab, teknik penyelesaian masalah, pendekatan secara berhikmah dan teknik penerapan. Kajian yang hampir sama juga dilakukan oleh Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017) dalam konteks pengajaran akidah dalam kelas bimbingan mualaf di IDIP. Walaupun pengkaji tidak menyatakan secara khusus proses komunikasi dakwah dalam kelas bimbingan, tetapi dapatkan kajian memperlihatkan prinsip komunikasi dakwah yang berlaku antara pengajar dengan pelajar seperti pengajaran yang jelas, terang dan mudah, pengajaran secara kontekstual, pengajaran yang memasukkan elemen *targib* (motivasi dan galakan) dan *tarhib* (ancaman) serta pengajaran yang mengikut tahap kemampuan pelajar. Pengkaji membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pengajar mencerminkan pengalaman ‘wisdom of practice’ dan ‘wise practice’ dalam pengajaran mata pelajaran subjek akidah. Kedua-dua aspek tersebut merupakan elemen dalam pendekatan dakwah secara al-hikmah.

Sementara itu Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2019) menekankan keperluan dan kepentingan pendakwah membimbing saudara baharu mengikut pendekatan dakwah yang bersumberkan ayat al-Quran melalui surah al-Nahl ayat 125. Walaupun beliau tidak memfokuskan secara khusus proses komunikasi dakwah secara khusus yang berlaku antara pendakwah yang juga pengajar dengan kumpulan mualaf, tetapi beliau mengemukakan

beberapa pendekatan dakwah secara *al-hikmah* yang memperlihatkan elemen komunikasi dalam proses tersebut. Antaranya ialah pendekatan *al-hikmah* melalui nasihat yang baik, perubahan tingkahlaku seseorang samada melakukan sesuatu tindakan yang positif mahu pun meninggalkan sesuatu yang negatif.

Dalam konteks komunikasi dakwah yang dilakukan oleh pendakwah kepada orang Asli telah dibincangkan oleh Zulkefli Aini et. al (2018). Walau bagaimanapun perbincangan ditumpukan kepada aspek komunikasi pemujukan yang digunakan oleh pendakwah ketika berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli sama ada muslim atau belum muslim dalam suasana tertentu.

### **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Kajian mendapati bahawa PK yang bertugas sebagai pendakwah membimbang Orang Asli muslim di perkampungan Orang Asli melalui kelas-kelas bimbingan yang diadakan menggunakan pendekatan komunikasi dakwah secara *al-hikmah* bersama mereka. Bentuk komunikasi yang digunakan ialah komunikasi lisan dan bukan lisan. Walau bagaimanapun komunikasi lisan digunakan secara meluas dengan diringi komunikasi bukan lisan sebagai pelengkap dan penyempurnaan komunikasi lisan.

Pendekatan komunikasi dakwah secara *al-hikmah* yang digunakan dalam kajian ini menggunakan kerangka konsep pendekatan komunikasi dakwah secara *al-hikmah* adalah menggunakan pandangan al-Bayanuni (2010) dan Muhammad Natsir (1978). Pendekatan tersebut ialah mengutamakan sesuatu perkara yang paling penting terutama daripada sudut topik dan mesej komunikasi yang digunakan ketika berinteraksi di dalam kelas bimbingan, menerangkan sesuatu mesej dalam proses komunikasi secara bertahap dan tidak sekali gus, berkomunikasi mengikut aras dan tahap pemikiran Orang Asli dan berkomunikasi dengan memfokuskan kepada emosi dan akal fikiran mereka.

### ***Mengutamakan Sesuatu Perkara yang Paling Penting dalam Senarai Keutamaan Mesej yang Hendak Disampaikan***

Kajian mendapati PK yang dilantik oleh JAKIM dan MAIS (PK1 sehingga PK7) menggunakan *Buku Teks Muallaf Selangor* terbitan MAIS sebagai panduan ketika membimbang Orang Asli muslim tentang asas fardu ain, iaitu yang berkaitan dengan Tauhid dan Fekah. Manakala PK8 dan PK9 tidak menggunakan buku tertentu ketika melakukan bimbingan kepada Orang Asli muslim. Disiplin ilmu Tauhid dan Fekah merupakan dua bidang utama dalam pengajaran fardu ain kepada orang Islam termasuk masyarakat Orang Asli muslim. Walaupun kedua-dua bidang tersebut disusun mengikut topik-topik tertentu sebagaimana yang terdapat di dalam buku teks seperti perbincangan tentang rukun iman dan rukun Islam, kajian mendapati PK membincangkan topik-topik tersebut mengikut keutamaan berdasarkan pengetahuan sedia ada dalam kerangka pemikiran Orang Asli Muslim terutama dalam ilmu Tauhid. Ini kerana, sebagaimana kajian Zulkefli et al (2018) dan Zulkefli Aini (2019) yang mendapati bahawa aspek rukun iman yang sering menjadi topik perbincangan antara pendakwah dengan Orang Asli muslim ialah keimanan dengan Allah SWT, keimanan dengan malaikat, keimanan dengan hari akhirat dan keimanan dengan qada' dan qadar. Manakala dalam aspek rukun Islam, topik yang diberikan perhatian ialah tentang bersuci dan solat daripada aspek teori dan praktikal. Walau bagaimanapun, kajian mendapati Orang Asli muslim kurang memberikan tumpuan kepada tajuk-tajuk tersebut kerana daripada sudut amalinya mereka kurang mengamalkan tuntutan fardu ain berkenaan. Menurut Nur Damia (2016), kecenderungan seperti itu disebabkan mereka beranggapan bahawa amalan solat menyusahkan dan membebankan mereka. Di samping itu, mereka perlu menukar pakaian yang lain untuk mengerjakan solat. Justeru, apabila pendakwah hendak memulakan perbincangan tentang topik fekah, kaedah soal

jawab digunakan bagi memastikan mereka memahami tajuk berkenaan. Menurut PK4 dan PK5, pendakwah perlu menggunakan pelbagai teknik soal jawab secara kreatif supaya mereka dapat memberikan maklum balas terhadap persoalan yang dikemukakan. Pendakwah tidak boleh menunggu soalan daripada mereka. Sikap sedemikian, menurut Doris et al (2012) bukanlah satu perkara yang asing dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Keadaan ini disebabkan mereka masih lagi mempunyai sikap prejedis terhadap orang yang datang dari luar. Di samping itu, perasaan malu dan rendah diri masih menebal dalam diri mereka. Justeru, mereka lebih selesa berdiam diri dan berbual-bual antara satu sama lain. Malah ada kalanya, menurut PK8, mereka diibaratkan seperti “penumpang percuma” yang hanya mendengar apa yang dipelajari di dalam kelas bimbingan. Sehubungan dengan itu, pendakwahlah yang memulakan pertanyaan. Hasilnya, menurut PK, ada kalangan Orang Asli muslim mula bertanya tentang perihal orang Melayu muslim yang didapati tidak menunaikan kefarduan solat dan puasa walaupun mereka sudah lama menjadi muslim dan mempelajari ilmu fardu ain. Mereka tidak bertanyakan tentang bagaimanakah mereka perlu mengerjakan solat dalam keadaan yang benar di sisi syarak. Begitu juga, dalam tajuk bersuci yang dikaitkan dengan aspek penjagaan kebersihan, kajian mendapati PK sangat berhati-hati menyentuh tajuk tersebut. Ini kerana pada pandangan mereka ada kalangan Orang Asli yang sensitif terhadap aspek kebersihan. Sebagai contoh, menurut PK2, ada kalangan orang Asli yang bertanya tentang perihal berkhatan yang dikaitan dengan tahap kesihatan mereka yang mengidap penyakit kencing manis. Jika ia tidak dibincangkan secara bijaksana, pada pandangan PK, kemungkinan Orang Asli tidak akan mengikuti kelas bimbingan sepenuhnya. Mereka merasakan yang pendakwah memerli mereka walaupun niat dan tindakan pendakwah adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan hidup mereka.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa orang Asli lebih suka bertanya kepada pendakwah tentang perkara-perkara yang di luar topik pengajaran dan pembelajaran seperti perihal bantuan kewangan dan kebajikan yang diterima dan tingkah laku orang Melayu muslim yang pada fikiran mereka tidak bermoral. Menurut PK3, PK6, PK7 dan PK8 antara sikap negatif orang Muslim muslim yang menjadi perhatian orang Asli ialah suka mencuri, tidak menjaga adab tutur kata dan lakuan, minum arak, mengedar dadah, masuk ke kampung Orang Asli dengan sesuka hati, merogol, dan bersekedudukan dengan gadis Orang Asli. Keadaan ini menjadikan mereka mempunyai persepsi negatif terhadap Islam dan pendakwah yang menerangkan ajaran Islam kepada mereka. Malah, daripada satu perspektif, sekiranya orang Melayu muslim sendiri melanggar batasan dalam agama Islam, ia menjadi penghalang kepada penerimaan dan penghayatan agama Islam dalam kehidupan mereka. Ini kerana rujukan mereka untuk menerima dan mengamalkan ajaran Islam ialah orang Melayu. Tambahan pula, terdapat persepsi dalam kalangan mereka bahawa masuk Islam adalah masuk Melayu. Bagaimana mereka mahu masuk Islam sedangkan orang Melayu sendiri tidak mengamalkan Islam.

Kajian juga mendapati bahawa PK menggunakan bahasa pertuturan yang sama dengan Orang Asli muslim bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan walaupun Orang Asli muslim yang menjadi kumpulan sasaran mereka bertutur dalam bahasa Orang Asli seperti Temuan dan Mah Meri. Tindakan pendakwah yang mengutamakan bahasa Melayu dalam kelas bimbingan dilihat menyahut seruan dan mesej al-Quran yang mengemukakan antara sunnah berdakwah para Rasul ialah menggunakan bahasa tertentu yang menjadi perantara dalam proses komunikasi dakwah antara mereka dengan kaumnya. Dalam konteks dakwah para Rasul, mereka lebih selesa menggunakan bahasa kaum mereka bagi memudahkan proses pendakwahan ketika berkomunikasi dengan mereka. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 4 yang bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum hakam Allah) kepada mereka...”

Justeru apabila pendakwah orang Asli menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan dalam kelas bimbingan fardu ain, ia memudahkan mesej yang disampaikan difahami oleh orang Asli. Walaupun kajian Jumiya (2014) mendapati tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan Orang Asli masih lemah, kajian Rohani dan Noor Hasnur (2014) membuktikan bahawa terdapat persamaan dialek antara bahasa Melayu dengan bahasa yang dituturkan oleh Orang Asli dalam Kaum Melayu-Proto seperti Temuan. Ini termasuklah daripada sudut sistem fonologi dan unsur-unsur kognat pada bahasa tersebut. Perkara tersebut juga diperakui oleh Muhammad Busu (2016), bahawa bahasa masyarakat Orang Asli Temuan mempunyai persamaan bahasa yang paling dekat dengan bahasa Melayu dalam proses komunikasi. Namun dalam konteks yang lain, menurut Faiz (2018), keutamaan pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli ialah dia perlu menguasai bahasa Orang Asli itu sendiri. Keadaan ini dilihat daripada dua aspek utama iaitu pertama; mesej yang disampaikan dalam bahasa kumpulan sasaran memudahkan mereka memahami mesej tersebut dan akhirnya menerima dengan positif. Kedua; ia memudahkan penerimaan pendakwah secara individu kerana daripada sudut psikologinya seseorang mudah diterima jika wujud persamaan antara dua pihak (Nur Damia, 2016).

Keutamaan juga dilihat dalam konteks bagaimana pendakwah memulakan komunikasi sebelum mengembangkan idea dan pemikiran tentang sesuatu topik yang dibincangkan di dalam kelas bimbingan. Kajian mendapati bahawa, PK seperti PK6 menggunakan ekspresi wajah seperti senyuman ketika mendatangi masyarakat Orang Asli muslim. Keadaan ini sesuai dengan kenyataan Zawiyah (2009) yang berpandangan bahawa mimik muka adalah antara bahasa bukan lisan yang penting dalam konteks seseorang yang mahu menyampaikan sesuatu maksud tertentu ketika berkomunikasi dengan orang lain. Di samping itu, pendakwah perlu menyapa kumpulan sasaran dengan memberi salam dan bersalaman dengan mereka yang sama jantina. Manakala dengan Orang Asli yang berlainan jantina pendakwah boleh melemparkan senyuman dan meletakkan tangan di atas dada sebagai tanda penghormatan kepada mereka selepas memberi salam. Tambahan pula, pendakwah boleh bertanya khabar, aktiviti dan rutin kehidupan sehari-hari mereka supaya tidak berlaku jurang komunikasi antara mereka.

### ***Berkomunikasi Mengikut Aras dan Tahap Pemikiran Kumpulan Sasaran***

Kajian mendapati bahawa PK menyedari bahawa mereka perlu melakukan gerak kerja awal bagi mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang dan kehidupan masyarakat Orang Asli. Ini termasuklah aspek gaya hidup, pemakanan, pekerjaan, adat dan budaya. Pengetahuan mengenai latarbelakang Orang Asli amat penting untuk memudahkan pendakwah memahami kehidupan Orang Asli secara terperinci (Nur Damia 2016; Faiz 2018; Nur Uswhah 2018). Kajian mendapati bahawa pengetahuan dan maklumat tentang latarbelakang kumpulan sasaran menyebabkan pendakwah boleh mengetahui aras dan tahap pemikiran Orang Asli. Walaupun pendakwah menggunakan buku teks sebagai panduan pengajaran, topik pengajaran perlu dijelaskan mengikut kesesuaian latarbelakang Orang Asli. Kajian juga mendapati bahawa pendakwah perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami walaupun menggunakan medium bahasa Melayu. Bahasa yang mudah difahami dalam konteks dakwah sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran ialah *qawl maysura* (Zikmal 2015). Antara ciri-cirinya ialah mudah dan santai daripada segi penyampaiannya (Achmad Mubarok 1997). Dalam konteks kajian ini, menurut semua PK, pendakwah perlu mengelakkan penggunaan istilah yang berbaur bahasa Inggeris dan bahasa Arab yang begitu asing dalam pemikiran Orang Asli. Keadaan ini

boleh berlaku apabila pendakwah terikut-ikut dengan gaya komunikasi sehariannya bersama rakan dan ahli keluarga sendiri. Di samping itu, menurut PK, pendakwah perlu mengelakkan daripada menggunakan bahasa dialek bahasa pertuturan pendakwah yang berbeza dengan pertuturan Orang Asli. Dalam pemerhatian PK1 ketika menggunakan video sebagai teknik pengajaran dengan menayangkan ceramah yang disampaikan oleh seorang pendakwah yang berasal dari suatu negeri di pantai timur. Beliau mendapati bahawa Orang Asli berkenaan tidak boleh mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran kerana tidak memahami langsung apa yang dituturkan oleh si penceramah.

Kajian juga mendapati bahawa pendakwah perlu menjelaskan sesuatu mesej dalam kelas bimbingan dengan memberikan contoh dalam bentuk gambaran tertentu. Menurut PK3, PK5, PK7 dan PK8 penyampaian mesej dakwah kepada Orang Asli muslim di dalam kelas bimbingan berlangsung dengan lebih baik sekiranya mereka menggunakan “bahasa nampak”. Dalam kajian Nur Damia (2016) bahasa nampak merujuk kepada penggunaan bahasa yang menggambarkan sesuatu supaya tergambar di fikiran Orang Asli tentang sesuatu mesej yang disampaikan kepada mereka. Pengalaman PK3 umpamanya, menggunakan “bahasa nampak” ketika menerangkan topik kekuasaan Allah SWT dalam tajuk Tauhid. Beliau mengaitkan topik tersebut dengan gambaran sepohon pokok yang tegap berdiri, berbuah lebat dan berdaun rendang berwarna hijau. Kaedah seperti ini menyamai kaedah pengajaran secara visual. Justeru menurut Wee (2009), kaedah tersebut boleh menarik perhatian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian Zawiyah (2009) turut merumuskan bahawa kaedah visual yang berbantuan teknik warna, lukisan dan ukiran bagi menggambarkan sesuatu objek dan mesej menjadi pemungkin kepada pemahaman sesuatu makna apabila sesuatu mesej disampaikan.

### ***Menerangkan Sesuatu Mesej Komunikasi Secara Bertahap dan Tidak Sekali Gus Kepada Kumpulan Sasaran***

Berdasarkan perbincangan dalam sub topik 1.2, pendakwah berkomunikasi dengan Orang Asli muslim dalam kelas bimbingan mengikut aras dan tahap pemikiran mereka. Ini kerana mereka mempunyai latarbelakang yang berbeza dengan pendakwah dan sesama mereka. Sehubungan dengan itu juga, kajian mendapati PK berpandangan bahawa ketika menyampaikan mesej dakwah melalui topik-topik pengajaran seperti Tauhid, mereka menerangkannya secara bertahap. Mereka tidak boleh menyampaikannya secara sekali gus. Ini melibatkan tahap pemahaman yang berbeza antara satu sama lain. Justeru, apabila dirujuk kepada buku teks yang disediakan, didapati topik-topik yang digubal adalah dengan mengambil kira keadaan pembaca.

Di samping itu, pendakwah juga turut menggunakan teknik pengulangan dengan mengungkap sesuatu fakta penting secara beramai-ramai. Menurut PK, pendekatan secara bertahap ini perlu diambil perhatian kerana kebanyakan Orang Asli muslim tidak mampu mengingati banyak perkara dalam satu sesi pembelajaran. Tambahan pula, masa yang diperuntukkan untuk mengendalikan kelas bimbingan hanya mengambil masa sekitar dua jam sahaja, menyebabkan pendakwah perlu menumpukan perhatian serius dalam pengajaran. Dalam kajian yang dilakukan oleh Abdul Razaq dan Zalizan (2009) mendapati bahawa dalam konteks pembelajaran kanak-kanak Orang Asli, mereka hanya mampu bertahan selama 15 minit sahaja kerana mereka cepat merasa bosan.

### **Berkomunikasi dengan Memfokuskan Kepada Emosi dan Perasaan Serta Akal Fikiran Kumpulan Sasaran**

Kajian mendapati bahawa semua PK bersetuju bahawa mereka perlu mempunyai perancangan bagi melancarkan proses komunikasi dalam kelas bimbingan. Dalam konteks dakwah, menurut al-Bayanuni (2010), perancangan komunikasi dakwah dikenali sebagai *manhaj al-da’wah*. Tambahan pula, *manhaj* dakwah yang berkesan dikenalpasti melalui kebijaksanaan pendakwah memfokuskan kepada elemen-elemen tertentu yang terdapat pada sasaran dakwah. Penumpuan terhadap elemen hati, emosi dan perasaan sasaran dakwah dikenali sebagai *al-manhaj al-‘atifi*. Manakala, penumpuan terhadap aspek akal fikiran dikenali sebagai *al-manhaj al-‘aqli*.

Dalam konteks kajian ini, pendakwah menumpukan kepada dua aspek tersebut, iaitu emosi dan perasaan serta akal Orang Asli Muslim yang mengikuti kelas bimbingan. Pendekatan seumpama ini, menurut PK, amat penting bagi memastikan mereka dapat menyertai kelas yang diadakan, berpartisipasi dalam sesi pembelajaran dan memahami mesej yang disampaikan. Sehubungan dengan itu, PK berpandangan bahawa ia perlu dimulakan dengan pemilihan bahasa komunikasi dakwah yang sesuai. Sebagai contoh, pendakwah menggunakan perkataan yang disukai oleh Orang Asli dan tidak menggunakan perkataan yang melanggar pantang larang mereka. Menurut PK5, PK7 dan PK8, Orang Asli menggemari perkataan yang mempunyai unsur positif, motivasi dan pujian kepada mereka seperti “awak pandai”, “awak cantik”, “awak memang boleh buat” dan sebagainya yang menyenangkan hati dan perasaan mereka. Kata-kata seperti itu, menurut Abdullah Hassan (2007) menyebabkan orang yang mendengarnya mudah tertarik dan terpengaruh dengan si penutur. Dalam konteks proses pengajaran dan pembajaran pula, kajian Syofia Ulfah et. al (2012) mendapati bahawa guru yang menggunakan kata-kata yang berunsurkan motivasi akan membentuk semangat positif dalam kalangan murid. Di samping itu, pendakwah perlu mengelakkan menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang boleh menyinggung perasaan Orang Asli. Semua PK bersetuju bahawa perkataan seperti ‘Sakai’ dan ‘Jakun’ merupakan perlu dielakkan penggunaannya ketika berkomunikasi dengan Orang Asli. Ini kerana menurut Muhamad Busu (2016), perkataan tersebut merupakan sebahagian daripada pantang larang masyarakat Orang Asli. Begitu juga dengan perkataan ‘hitam’ dan ‘orang hutan’ yang ditujukan kepada individu orang Asli. Menurut PK, perkataan-perkataan itu mengandungi unsur penghinaan kepada keturunan mereka. Jika pendakwah tidak peka dengan perkara tersebut, menurut Ramlee (2015), ia akan memberi kesan kepada kejayaan dakwah yang dilakukan termasuklah pengendalian kelas bimbingan yang diadakan. Menurut PK4 pula, perkataan seperti ‘celaka’, ‘kurang ajar’ dan ‘malas’ juga tidak wajar digunakan ketika berkomunikasi dengan Orang Asli. Perkataan-perkataan tersebut menggambarkan unsur kejadian yang merendah-rendah martabat mereka. Begitu juga pendakwah perlu berhati-hati menggunakan perkataan yang boleh mengundang salah faham dalam kalangan Orang Asli. Sebagai contoh, pengalaman PK2 ada kalangan pendakwah yang mengungkapkan kata-kata seperti “kalau kau tak datang kelas, aku tak nak uruskan bantuan kau”. Ia menyebabkan orang Asli tidak akan mengikuti kelas bimbingan yang diadakan oleh mana-mana pendakwah. Salah faham juga turut terjadi apabila ada pendakwah yang menegur tingkah laku Orang Asli yang tidak serius dalam kelas bimbingan. Menurut PK5, keadaan ini menyebabkan mereka merajuk, tidak mengikuti kelas berikutnya dan tidak bertegur sapa dengan pendakwah. Ini kerana mereka mudah ambil hati dan terlalu sensetif dengan persekitaran mereka.

Kajian juga mendapati bahawa Orang Asli menggemari kata-kata yang berunsurkan humor. Kata-kata humor, menurut Abd Rahman et al (2005) bukan sahaja mampu mengurangkan tekanan seseorang malah turut menyentuh emosi dan perasaan yang menyebabkan mereka boleh bergembira dengan sesuatu keadaan. Bagi PK, pendekatan komunikasi dalam bentuk

humor mampu menceriakan suasana dalam kelas bimbingan yang menyebabkan Orang Asli muslim gembira dan seronok mengikuti kelas yang diadakan. Kajian Wan Nur Hasmy (2014) mendapati bahawa pendekatan humor dalam interaksi boleh meningkatkan kemesraan antara dua pihak yang berkomunikasi. Malah, melalui humor, halangan komunikasi boleh dielakkan dan mengurangkan formaliti dalam seseuatu keadaan. Di samping itu, humor boleh mempengaruhi dan memberikan motivasi kepada individu yang mendengarnya (Iwan 2013). Walau bagaimanapun, tidak semua keadaan memerlukan pendekatan humor. Ia perlu dilakukan secara berhati-hati sehingga tidak mengandungi unsur pembohongan dan penghinaan, tidak bergurau dalam keadaan serius dan tidak menakut-nakutkan golongan tertentu (al-Qaradawi 2002; Nik Nurul dan Faisal@Ahmad Faisal 2015). Dalam konteks dakwah kepada Orang Asli, menurut PK3 dan PK5, aplikasi pendekatan humor bergantung kepada latarbelakang dan usia Orang Asli. Menurut PK6, ia dilakukan mengikut masa dan suasana tertentu. Sehubungan dengan itu, dalam kajian Frymier dan Wanzer (2008), suatu humor yang dilakukan dalam masa yang tidak sesuai menyebabkan penerima mesej tidak akan merasa terhibur. Malah ia boleh membina jurang komunikasi dan menebalkan tembok antara sumber dengan penerima mesej. Antara perkara yang dielakkan dalam pendekatan humor ialah menjadikan makanan dan hal peribadi sebagai bahan humor.

Kajian juga mendapati bahawa pendakwah menggunakan pendekatan komunikasi persuasif ketika berinteraksi dengan Orang Asli muslim untuk menggerakkan pemikiran mereka. Penumpuan kepada akal fikiran merupakan pendekatan yang penting supaya berlaku perubahan dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, menurut PK, pendekatan seumpama itu bergantung kepada peringkat usia Orang Asli muslim yang mengikuti kelas bimbingan. Pendekatan bersama orang yang lebih dewasa dan kategori warga emas tidak sama dengan kanak-kanak. Pendakwah boleh menggunakan bahasa yang berunsurkan nasihat, teguran dan secara kiasan ketika mengemukakan sesuatu mesej dalam proses komunikasi. Sebagai contoh PK8 menggunakan bahasa kiasan ketika menjelaskan topik kebersihan yang dikaitkan dengan tajuk bersuci. Beliau mengumpamakan kepentingan menjaga kebersihan dengan menjaga rumah sendiri “macam ni kalau kemas cantik jugak. Sebenarnya nak cakap jangan bagi semak kan...”. Ia dilakukan supaya mesej tersebut boleh menerobus pemikiran mereka yang akhirnya mereka boleh bertindak melalukan sesuatu ke arah yang lebih baik.

## **Kesimpulan**

Pendakwah bertanggungjawab membimbing Orang Asli muslim melalui kelas bimbingan fardu ain supaya kualiti pengamalan dan penghayatan mereka bertambah. Bimbingan yang dilakukan adalah mengikut perancangan yang ditetapkan seperti penggunaan buku teks yang dijadikan sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, aspek komunikasi perlu diberi perhatian supaya mesej yang disampaikan dapat difahami dengan baik oleh penerima. Dalam konteks dakwah, proses komunikasi yang berlaku bukan sahaja melibatkan penyampaian mesej oleh sumber kepada penerima dengan menggunakan medium dan pendekatan tertentu sehingga menimbulkan kesan tertentu, tetapi yang lebih penting ialah apakah ia melibatkan prinsip dan pendekatan dakwah yang sesuai sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran seperti *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasannah* dan *al-mujadalah*. Kesepadan proses komunikasi yang berlangsung antara pendakwah dengan sasaran dakwah seperti Orang Asli Muslim dan elemen dakwah seperti pendekatan *al-hikmah* boleh menjadi pemangkin kepada kejayaan dakwah yang mengukur kepada kualiti penghayatan dan pengamalan agama Islam. Justeru, pihak-pihak berkepentingan dalam membimbing Orang Asli muslim perlu melatih pendakwah-pendakwah yang berkenaan dengan kemahiran berkomunikasi yang dilandaskan kepada pendekatan dakwah. Pendakwah perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah

dan teknik komunikasi dakwah yang disesuaikan dengan persekitaran dan ekosistem dakwah yang berhadapan dengan pelbagai cabaran.

## Rujukan

- Abdul Ghafar Don (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi UKM pada 17-19 Mac 2014 di Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahman Abd. Aziz, Abd. Ghani Abdullah dan Mohamad Zohir Ahmad (2005). Penggunaan Humor dalam Pengajaran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa* 5(2), 37-44.
- Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd. Jelas (2009). Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Kanak-Kanak Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar. Anjuran Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial Universiti Malaysia Sabah pada 3-5 Februari 2009.
- Abdullah Hassan (2007). *Berdakwah dengan Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.
- Achmad Mubarok (1999). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali (2017) Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1* (2017), 89-100.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath (2010). *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Lubnan: al-Risalah al-'Alamiah.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2002). *Seni dan Hiburan dalam Islam*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Anon (t.th). *Kehidupan, Budaya & Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd. Salleh, Redzuwan Othman dan Siti Hajar Idris (2012). Transformasi Modal Insan Melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands Pahang. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 4-6 Jun 2012.
- Faiz Abdul Rahim (2018). Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farah Nura.Hamid dan Maslida Yusof (2015) Analisis Struktur Fokus dalam Komunikasi Arahan Guru balam Bilik Darjah. *Jurnal Melayu* 14(2), 346-361.
- Frymier, Bainbridge Ann and Wanzer, Bekelja Melissa (2008). Assessing Student Perceptions of Inappropriateness and Appropriateness Teacher Humor. *Journal in Communication Education* 57(2), 266-288.
- Iwan Marwan (2013). Rasa Humor dalam Perspektif Agama. *Jurnal UIN Syarif Hidayatullah Jakarta* (2), 163-174.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). Data Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Bahagian Dakwah JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014). Data Maklumat Asas. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA.
- Jo Komar dan W.A. Amir Zal (2014). *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumiya Ahmad (2014). Masalah Pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid-Murid Kensiu: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia.

- Khalip Musa dan Hariza Abd. Halim (2015) Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40 (2), 89-99.
- Marlyna Maros dan Mohd. Baharim Mayidin (2011). Jenis dan Fungsi Sapaan Serta Perspektif Kesantuan Dalam Interaksi di Kaunter Pertanyaan. *Jurnal Bahasa* 11(2), 219-234.
- Ma'Rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman (2008). Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana, dalam Ma'Rof Redzuan dan Sarjit S. Gill, *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu dan Halima Laji (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. (5), 59-77.
- Mohd Safiee Hj. Idris, Hj. Ashari Sikor, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafa, Ahmad Rizal Madar dan Latifah Md. Ariffin (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Muhamad Busu (2016). Kursus Bahasa Temuan: Pengenalan Orang Asli Temuan. Kertas kerja Wacana Bicara Peribumi anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Mei 2016.
- Muhammad Natsir (1978). *Fiqh al-Da'wah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Nik Nurul Shuhada Mohamed dan Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid (2015). Humor dan Manusia: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal al-Muqaddimah* 1, 18-33.
- Nur Bahiyah Abdul Wahab, Maryati Mohamed, Azman Hassan dan Mohd Najib Haron (2013). Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia dalam Kalangan Murid Asli. Kertas kerja Seminar 2<sup>nd</sup> International on Quality and Affordable Education anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid dan Ain Nathasha Omar (2017). Metodologi Pengajaran Mualaf Di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol. 4 NO.2 (September), 215-233.
- Nur Damia Husna Nor Sad (2016). Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Us wah Ahmad Fauzi (2018). Pemujukan Dalam Komunikasi Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Selangor. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramle Abdullah (2014). *Orang Asli: Pembangunan dan Transformasi*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ramle Abdullah (2015). Cabaran Dakwah Dalam Masyarakat Orang Asli. Kertas kerja Persidangan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di The Grand Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan pada 7-9 November.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2019). Keperluan Bimbingan Kepada Golongan Muallaf Di Malaysia. Diakses melalui [https://www.researchgate.net/publication/301894473\\_KEPERLUAN\\_BIMBINGAN\\_KEPADALOGONGAN\\_MUALLAF\\_DI\\_MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/301894473_KEPERLUAN_BIMBINGAN_KEPADALOGONGAN_MUALLAF_DI_MALAYSIA) pada 10 Oktober 2019.
- Rohani Mohd Yusuf dan Noor Hasnoor Mohd Nor (2014). Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Bahasa atau Dialek Melayu? Kertas kerja Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK) anjuran Universiti Sains Malaysia di Kuching Sarawak pada 12-13 Oktober.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow (2015). Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Tinjauan Literatur. Kertas kerja Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.

- Syofiah Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah dan Hamidah Yamat (2012). Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia Ketika Memulakan Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(2), 71-83.
- Wan Nur Hasmy Wan Mansor (2014). Penerapan Unsur Kecindan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk Teknologi. Tesis Sarjana Sains, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Wee, Chiong Lee (2009). Pembelajaran Visual dalam Usaha Meningkatkan Kefahaman Murid Prasekolah. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL anjuran Instistut Pendidikan Guru Kampus Perlis pada 27-28 September.
- Zawiyah Mohammad Yusof (2009). *Kemahiran Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zikmal Fuad (2015). Pendekatan Bahasa dalam Dakwah (Satu Kajian dari Perspektif al-Qur'an). *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 2(2), 14-25.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha dan Nur Uswah Ahmad Fauzi (2018a). Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani* 3(20), 15-21.
- Zulkefli Aini, Faiz Abdul Rahim dan Nor Damia Husna Nor Sad (2018b). Aplikasi Kemahiran Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail dan Zulkefli Aini, *Pemerksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha' Mokhtar dan Nur Uswah Ahmad Fauzi (2018). Pengamalan Bentuk Komunikasi Pemujukan Dalam Kalangan Pendakwah Masyarakat Orang Asli Di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam* 11(II), 63-79.
- Zulkefli Aini (2019) Topik Akidah dan Syariah Dalam Pengetahuan Masyarakat Orang Asli Muslim di Selangor. Kertas kerja 3<sup>rd</sup> International Islamic Heritage Conference (3<sup>rd</sup> ISHEC) anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Melaka pada 21-22 Ogos.